



SIARAN MEDIA

MEDIA RELEASE

LAPORAN ANGGARAN PENDUDUK PERTENGAHAN TAHUN

*REPORT OF THE
MID-YEAR POPULATION ESTIMATES*

2020



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

LAPORAN ANGGARAN PENDUDUK PERTENGahan TAHUN 2020

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) telah mengeluarkan **Laporan Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun 2020** yang memberikan data mengenai anggaran jumlah penduduk dan ciri-ciri utama demografi penduduk Negara Brunei Darussalam pada pertengahan tahun 2020. Pengiraan anggaran ini adalah berasaskan data Kemaskini Banci Penduduk dan Perumahan (KBPP) 2016 dan mengambilkira komponen utama perubahan penduduk iaitu kelahiran dan kematian bagi kenaikan semulajadi (*natural increase*); dan penghijrahan bersih (*net migration*). Sumber utama data bagi perkara ini adalah daripada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

2. Penemuan-penemuan utama bagi Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun 2020 adalah seperti berikut:
 - Anggaran jumlah penduduk pertengahan tahun 2020 bagi Negara Brunei Darussalam adalah seramai 453,600 orang berbanding 459,500 orang pada tahun 2019, iaitu penurunan sebanyak 1.3 peratus.

 - Penurunan ini disebabkan oleh bilangan Penduduk Sementara yang menurun sebanyak 10.9 peratus dari seramai 94,200 orang pada tahun 2019 kepada 83,900 orang pada tahun 2020. Ini adalah berikutan sekatan perjalanan semasa penularan pandemik COVID-19, khususnya bagi kemasukan warganegara asing ke Negara Brunei Darussalam, di mana sebilangan pekerja asing telah keluar meninggalkan negara ini disebabkan tamat kontrak dan sebagainya, tetapi pekerja asing baharu yang dibenarkan untuk masuk ke negara ini adalah dalam bilangan yang terhad dan untuk sektor atau pekerjaan tertentu sahaja.

- Walau bagaimanapun, penurunan tersebut diimbangi oleh peningkatan bilangan Rakyat Brunei dan Penduduk Tetap yang masing-masing telah mencatatkan kenaikan sebanyak 1.3 peratus (2019: 331,800 orang, 2020: 336,000 orang) dan 0.6 peratus (2019: 33,500 orang, 2020: 33,700 orang);
 - Jumlah penduduk pada tahun 2020 terdiri daripada 240,700 orang lelaki (53.1 peratus) dan 212,900 orang perempuan (46.9 peratus). Nisbah jantina adalah seramai 113 orang lelaki bagi setiap 100 orang perempuan.
 - Rakyat Brunei merupakan bahagian terbesar sebanyak 74.1 peratus (336,000 orang), sementara agihan Penduduk Tetap dan Penduduk Sementara adalah masing-masing sebanyak 7.4 peratus (33,700 orang) dan 18.5 peratus (83,900 orang).
 - Daerah Brunei Muara mempunyai bilangan penduduk tertinggi seramai 316,100 orang (69.7 peratus daripada jumlah penduduk). Ini diikuti oleh Daerah Belait seramai 74,800 orang (16.5 peratus), Daerah Tutong 51,500 orang (11.4 peratus) dan Daerah Temburong 11,200 orang (2.5 peratus).
 - Mengikut taburan umur, kira-kira 20.4 peratus (92,500 orang) daripada jumlah penduduk adalah berumur di bawah 15 tahun, 73.6 peratus (333,900 orang) adalah penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15-64 tahun, dan 6.0 peratus (27,200 orang) adalah penduduk yang berumur 65 tahun dan ke atas. Umur penengah (*median*) pada tahun 2020 adalah 31.3 tahun berbanding 30.6 tahun pada tahun 2019.
 - Bangsa Melayu merupakan komuniti terbesar di negara ini dengan agihan sebanyak 65.8 peratus (298,400 orang) daripada jumlah penduduk. Bangsa Cina dan lain-lain bangsa masing-masing merangkumi 10.2 peratus (46,400 orang) dan 24.0 peratus (108,800 orang) daripada jumlah penduduk.
3. Laporan Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun 2020 boleh didapati melalui laman web JPES. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah dirujuk ke JPES dengan menghubungi talian atau melayari laman sesawang berikut:

Telefon : 2230250 atau 2230265 (waktu pejabat)
E-mel : info.statistics@jpes.gov.bn
Laman sesawang : www.deps.gov.bn



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

MID-YEAR POPULATION ESTIMATE 2019 REPORT

1. *The Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) has released the **Report of the Mid-Year Population Estimates 2020** which presents the data of population estimates and key demographic characteristics of Brunei Darussalam's mid-year population in 2020. The compilation for the estimates is based on the data of the Population and Housing Census Update (KBPP) 2016 and incorporating the major components of population change, that is births and deaths for natural increase, and net migration. The main data source for the estimate are from the Immigration and National Registration Department, Ministry of Home Affairs.*

2. *The main findings for the Mid-Year Population Estimate 2020 are as follows:*
 - *Mid-year population estimate of Brunei Darussalam for 2020 was 453,600 persons compared to 459,500 persons in 2019, a decline of 1.3 per cent.*

 - *The decline is due to the decrease in the number of Temporary Residents by 10.9 per cent from 94,200 persons in 2019 to 83,900 persons in 2020. This is due to the travel restrictions during the COVID-19 pandemic, specifically on the entry of foreigners to Brunei Darussalam, where a number of foreign workers have left the country as the contract had expired etc, but only limited number of new foreign workers are allowed to enter the country for certain sectors and jobs.*

 - *However, the number of Brunei Citizens and Permanent Residents had recorded an increase of 1.3 per cent (2019: 331,800 persons, 2020: 336,000 persons) and*

0.6 per cent (2019: 33,500 persons, 2020: 33,700 persons) respectively, which shows an offset to the decline.

- *The population in 2020 was made up of 240,700 males (53.1 per cent) and 212,900 females (46.9 per cent). The sex ratio was 113 males for every 100 females.*
- *Brunei Citizens accounted for the largest share of 74.1 per cent (336,000 persons), while the shares of the Permanent Residents and Temporary Residents were 7.4 per cent (33,700 persons) and 18.5 per cent (83,900 persons) respectively.*
- *The Brunei Muara District had the highest population of 316,100 persons (69.7 per cent of the total population). This was followed by the Belait District with 74,800 persons (16.5 per cent), the Tutong District 51,500 persons (11.4 per cent), and the Temburong District 11,200 persons (2.5 per cent).*
- *From the age distribution aspect, about 20.4 per cent (92,500 persons) of the total population were below 15 years of age, 73.6 per cent (333,900 persons) were in the working age group of 15-64 years, and 6.0 per cent (27,200 persons) were aged 65 years and over. The median age in 2020 was 31.3 years compared to 30.6 years in 2019.*
- *The Malays formed the largest community in the country with a share of 65.8 per cent (298,400 persons) of the total population. The racial groups of Chinese and others comprised 10.2 per cent (46,400 persons) and 24.0 per cent (108,800 persons) of the total population respectively.*

3. *The Report of the Mid-Year Population Estimates 2020 is available from JPES's website. For any enquiries on this matter, please refer to JPES by contacting the lines or browsing through the website below:*

<i>Telephone</i>	<i>:</i>	<i>2230250 or 2230265 (working hours)</i>
<i>E-mail</i>	<i>:</i>	<i>info.statistics@jpes.gov.bn</i>
<i>Website</i>	<i>:</i>	<i>www.deps.gov.bn</i>